



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

GARIS PANDUAN KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN PELANCAR DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 November 2023 – Mesyuarat Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan (JANGKA) hari ini telah bersetuju dengan **Garis Panduan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Kemudahan Pelancar di Malaysia**.

Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, memaklumkan penyediaan garis panduan ini adalah selaras dengan harapan kerajaan untuk memastikan pembangunan sektor angkasa di Malaysia khususnya berkaitan kemudahan pelancar dapat dilaksanakan dengan terancang, lebih berkesan dan memberi pulangan besar kepada negara dalam aspek penjana ilmu baharu, penerokaan saintifik, penjana kekayaan, kesejahteraan masyarakat, dan keselamatan serta kedaulatan negara.

Penyediaan garis panduan ini diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) selaras dengan pelaksanaan Teras 2 Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030 yang menumpukan kepada aktiviti pemerksaan Teknologi, Infrastruktur dan Aplikasi Angkasa yang signifikan atau penting kepada Negara. Inisiatif pembangunan kemudahan pelancar ini juga adalah sebahagian daripada usaha bagi memastikan keupayaan sektor angkasa negara dapat dioptimumkan serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi baharu berasaskan angkasa yang strategik serta mampan.

Objektif utama garis panduan ini adalah sebagai dokumen rujukan bagi pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan pembangunan kemudahan pelancar di Malaysia kepada entiti-entiti yang berminat melaksanakan kajian dan sekaligus mengelakkan

sebarang pertindihan dari sudut perundangan iaitu peraturan dan akta yang sedang berkuat kuasa.

Proses penyediaan garis panduan ini melibatkan beberapa sesi libat urus bersama pihak agensi kerajaan persekutuan dan negeri, industri serta akademia yang telah diadakan mulai Mac hingga Oktober 2023 yang lalu bagi memastikan garis panduan ini adalah bersifat menyeluruh dan menepati keperluan semua pihak berkaitan.

Secara ringkasnya, garis panduan ini mengandungi lapan (8) skop utama sebagai asas yang perlu dikaji oleh entiti-entiti yang berhasrat dalam membangunkan kemudahan pelancaran di Malaysia, iaitu:

- i. analisa tapak;
- ii. analisa teknikal;
- iii. analisa risiko;
- iv. analisa alam sekitar;
- v. analisa kos dan kewangan;
- vi. analisa pasaran;
- vii. analisa undang-undang; dan
- viii. analisa pemegang taruh.

Garis panduan ini terpakai dan boleh dimanfaatkan oleh semua pihak yang berhasrat untuk membangunkan kemudahan pelancar di Malaysia. Manakala skop atau aspek kajian kebolehlaksanaan pembangunan kemudahan pelancar di dalam garis panduan ini adalah sebagai asas kajian dan ia juga boleh ditambah mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

MOSTI berharap garis panduan ini akan memudahkan semua pihak yang terlibat dalam proses penyediaan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Kemudahan Pelancar di Malaysia.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

2 NOVEMBER 2023